

Warta Rakyat

Penyakit Masyarakat

Percetakan Faizul dan Nazir

“Penyakit Masyarakat”. Inilah merupakan penyakit yang datang tanpa petanda dan yang lebih menakutkan penyakit ini sukar dihakis dari masyarakat. Penyakit yang dimaksudkan ialah sifat **penting diri terhadap penglibatan dalam menjaga alam sekitar**. Masyarakat lebih mudah untuk lepas tangan dari duduk berbincang dan melaksanakan sesuatu tindakan yang boleh membenteras kegiatan pencemaran alam ini.

Kurangnya Sifat Kemasyarakatan

Kenyataan ini pahit, tetapi anda harus mengakui kurang semangat dalam masyarakat kita pada hari ini dan anda juga mungkin salah seorang dari masyarakat yang tidak bertanggungjawab ini.

“Namun Puan Hasnah hanya membiarkan sampah tersebut terbiar kerana yakin tugasnya hanya berakhir di sana.”

Lihat saja pada situasi yang saya ingin berikan. Puan Hasnah merupakan seorang suri rumah sepenuh masa. Menjadi tugas beliau untuk membuang sampah pada setiap pagi. Di hadapan rumahnya terdapat satu tong besar untuk pengumpulan sampah sekitar kawasan perumahan. Puan Hasnah membuang sampah di dalam tong tersebut, akan tetapi sampahnya terjatuh di tanah dan terkeluar dari bungkusan. Namun Puan Hasnah hanya membiarkan sampah tersebut terbiar kerana yakin tugasnya hanya berakhir di sana. Ini merupakan mind kelas ketiga yang perlu dihakis kerana masyarakat sentiasa tidak mengambil peduli tentang sesuatu perkara yang mana bukan tanggungjawab mereka.

Peranan Sebenar Masyarakat

Setiap anggota masyarakat perlu mempunyai kesedaran yang tinggi dalam menjaga kebersihan, misalnya tidak sesuka hati membuang sampah ke dalam longkang dan sistem perparitan, kerana ia akan menyebabkan sistem saliran tersumbat dan akhirnya akan membawa kepada masalah-masalah lain seperti berlakunya banjir dan sebagainya.

"Sudah tiba masanya setiap anggota masyarakat membuang sikap 'tak apa' dalam diri masing-masing untuk melindungi dunia daripada melakukan pemusnahan terhadap alam sekitar secara berterusan."

Bukan itu sahaja, malah kita juga memerlukan penguatkuasaan yang bersepadu dalam membanteras masyarakat yang sewenang-wenangnya membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya seperti sungai, kawasan awam dan hutan.



Meraka mampu membina disiplin menjaga alam sekitar.

Kewajipan menjaga kebersihan alam sekitar adalah terletak sepenuhnya di tangan kita. Sudah tiba masanya setiap anggota masyarakat membuang sikap 'tak apa' dalam diri masing-masing untuk melindungi dunia daripada melakukan pemusnahan terhadap alam sekitar secara berterusan.

Tepuk dada tanya iman, di manakah peranan kita dalam masyarakat? Adakah seorang aktivis alam sekitar yang hanya bercakap tanpa tindakan atau seorang petani biasa yang sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar?

Saya yakin anda tahu siapa anda di mata masyarakat.